

07/11/2001

Jepun dicadang tubuh universiti kemahiran

Lichong Angkui

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa - Malaysia mencadangkan kepada Jepun supaya mewujudkan sebuah universiti khusus untuk memberikan latihan kemahiran kepada pelajar dari rantau Asean.

Cadangan itu dikemukakan pada Sidang Kemuncak Asean+1 dengan Jepun di sini hari ini dan mendapat sokongan daripada 10 negara anggota Asean.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata menerusi kewujudan institusi pengajian tinggi itu membolehkan rakyat Jepun berkemahiran memberi latihan kepada rakyat rantau ini.

Katanya, cadangan supaya Jepun mewujudkan universiti di sini dibuat memandangkan kos menghantar pelajar dari Asean ke sana agak tinggi.

"Jika Jepun dapat mewujudkan universiti, umpamanya di Malaysia, ia boleh menempatkan pelajar dari negara rantau Asean... maka kosnya jauh lebih rendah," katanya pada sidang akhbar di Istana Darul Taqwa di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, petang ini.

Dr Mahathir berkata, rakan sejawatannya dari Jepun, Junichiro Koizumi mengangap idea berkenaan sebagai sesuatu yang bagus.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, semua negara Asean sependapat pentingnya kerjasama antara negara diperkukuhkan bagi mengurangkan pergantungan kepada ekonomi dunia, terutama Amerika Syarikat.

Katanya, selain sesama Asean, semua negara juga bersedia meningkatkan kerjasama dengan tiga rakan dialog, iaitu China, Jepun dan Korea.

Mengenai saranan supaya diadakan satu seminar khusus mengenai keganasan di peringkat Asean, beliau berkata Kuala Lumpur bersedia menjadi tuan rumah seminar itu.

Menurutnya, seminar berkenaan perlu diadakan bagi mencari pendekatan dan mengenal pasti punca-punca keganasan berlaku dan sekali gus menentukan tindakan untuk menanganinya secara berkesan.

Dr Mahathir juga berkata, persidangan kali ini turut menekankan pentingnya dipertingkatkan kerja sama serantau dalam pelbagai bidang termasuk bidang komunikasi dan teknologi maklumat (ICT) serta pembangunan Lembah Mekong.

"Pada keseluruhannya, mesyuarat kali ini mencapai kejayaan. Ia menunjukkan negara-negara Asean begitu kuat sokongan kepada kumpulan ini dan keinginan untuk terus bekerjasama," katanya.

(END)